

UNSUR-UNSUR ALAM DALAM PENDIDIKAN AKHLAK MASYARAKAT MELAYU MENERUSI BEBERAPA KARYA RAJA ALI HAJI

(Elements of Nature in the Moral Education of Malay Society Based on the Works
of Raja Ali Haji)

^{1,2} AKMALIZA ABDULLAH*

^{2,3} ABDUL LATIF HJ. SAMIAN

¹ Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 UTM Skudai,
Johor, Malaysia

² Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

³ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan mengenai peranan alam dalam menzahirkan pendidikan akhlak dalam masyarakat Melayu. Penelitian dan penaakulan akal terhadap unsur-unsur alam yang berada di sekeliling diterjemahkan melalui bahasa sebagai wahana untuk memperolehi ilmu yang benar dan mencapai keelokan akhlak serta budi pekerti. Pendekatan analisis kandungan diguna pakai bagi meneliti beberapa karya Raja Ali Haji (1808-1872), seorang pujangga agung kelahiran Riau yang terdidik dalam sistem tradisi ilmu Islam. Hasil kajian mendapati dalam masyarakat Melayu Nusantara, alam bukan sekadar dianggap sebagai tercipta untuk kesenangan hidup manusia malah ia turut berperanan untuk menjelaskan ketinggian akhlak yang bertunjang kepada pandangan semesta Islam.

Kata kunci: Akhlak; alam; Raja Ali Haji; alam Melayu

*Corresponding author: Akmaliza Abdullah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 UTM Skudai, Johor, Malaysia,
mel-e: a.akmaliza@utm.my
Diserahkan: 29 Januari 2016
Diterima: 4 Ogos 2016
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2017-0902-12>

ABSTRACT

The article discusses the role of nature in manifesting the moral education in Malay society. The observation and contemplation of their minds on the elements of nature has been translated in the form of language as a medium to gain a true knowledge and attain good moral conduct. The method of content analysis has been employed in order to study a few of Raja Ali's (1808-1872) works, who is renowned as a great Malay scholar born in Riau and trained in a traditional system of Islamic intellectuals. The findings showed that in the Malay World, nature is not merely created for the comfort of human life but it is also functioned as a mechanism to manifest the high moral standards which is based on the Islamic worldview.

Keywords: Moral; nature; Raja Ali Haji; malay world

PENGENALAN

Kewibawaan Raja Ali Haji (1808-1872) sebagai tokoh pujangga Melayu Nusantara abad ke-19 Masihi terserlah melalui karya-karya agung yang dihasilkan oleh beliau seperti *Kitab Tuhfah al-nafis*, *Bustan al-Katibin*, *Kitab Pengetahuan Bahasa*, *Thamrah al-Muhibbin*, dan beberapa puisi beliau yang sarat dengan nilai ilmiah yang tinggi. Sebagai ahli bahasa yang dibesarkan dalam sistem tradisi intelektual Islam, Raja Ali Haji telah memperlihatkan fungsi bahasa Melayu sebagai alat untuk memperkuatkan pandangan semesta masyarakat Melayu Nusantara yang pada ketika itu sedang berhadapan dengan tantangan penjajahan. Antaranya melalui kaedah penggunaan unsur-unsur alam yang pelbagai bagi mendidik dan menanam ketinggian akhlak dalam diri masyarakat Melayu yang sejak zaman-berzaman, mempunyai hubungan yang simbiosis dengan alam sama ada secara fizikal, intelektual maupun kerohanian. Melalui pemerhatian dan taakul, mereka mengintegrasikan alam dalam pelbagai hasil daya fikir dan daya cipta mereka. Peranan alam dalam kehidupan masyarakat Melayu bukan sekadar dilihat dari aspek manfaat fizikal semata-mata, malah ia turut dilihat sebagai unsur penting dalam memperadabkan manusia.

AKHLAK: ISTILAH-ISTILAH YANG DIGUNA PAKAI OLEH RAJA ALI HAJI

Dari segi etimologi (Ibn Manzūr 2003), perkataan akhlak berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *akhlāq* yang merupakan kata jamak daripada perkataan *khuluq*. Perkataan *khuluq* pula berkongsi kata dasar yang sama dengan *khalaqa* yang bermaksud mencipta atau menjadikan, manakala *al-Khāliq* dan *al-Khallāq* merujuk kepada nama serta sifat Allah Yang Maha Mencipta. Perkataan *khalq* pula mengandungi pengertian yang sesuatu yang diciptakan daripada asalnya tiada dan

juga merujuk kepada penciptaan mengikut ketetapan (*taqdīr*). *Makhlūq* bermaksud yang diciptakan. Manusia adalah makhluk yang diciptakan dalam bentuk yang sebaik-baiknya (*fi ahsan al-Taqwim*) dan dianugerahkan dengan fakulti akal yang membolehkannya membezakan antara yang baik dan yang buruk dengan berlandaskan kepada agama. Islam pula adalah agama fitrah (*din al-Fitrah*) yang disampaikan melalui Rasulullah SAW yang diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak (*li utammima makarim al-Akhlaq*). Justeru, manusia seharusnya berakhlik sesuai dengan asal penciptaan fitrah manusia sebagai sebaik-baik kejadian, iaitu fitrah yang cenderung kepada kebaikan. Menurut Imam al-Ghazali (Mohd. Nasir 2010) akhlak ialah suatu disposisi yang mantap dalam jiwa (*al-nafs*) manusia dan darinya segala perbuatan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran dan deliberasi. Sekiranya disposisi tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia, iaitu perbuatan terpuji menurut pertimbangan akal dan syariat, maka disposisi tersebut dinamakan akhlak yang baik. Tetapi jika di sebaliknya ia merealisasikan perbuatan buruk (atau perbuatan yang keji menurut pertimbangan akal dan syariat), maka disposisi kejiawaan tersebut dinamakan akhlak yang buruk. Manakala Ibn Miskawayh (Mohd. Nasir 2010) mentakrifkan akhlak sebagai ‘sifat yang tertanam dalam jiwa yang mendorongnya untuk melakukan perbuatan tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan’.

Dalam hubungannya dengan penulisan Raja Ali Haji, walaupun beliau banyak menggunakan perkataan-perkataan yang berasal daripada Bahasa Arab, hampir boleh dikatakan perkataan ‘akhlik’ tidak begitu digunakan dalam penulisan beliau. Sebaliknya Raja Ali Haji menggunakan perkataan bahasa Melayu iaitu ‘perangai’ bagi menyampaikan maksud yang sama dengan istilah akhlak. Jika ada perkataan akhlak dalam karya beliau, ia menggunakan sepenuhnya kosa kata Bahasa Arab, contohnya *su’ al-Akhlaq* (Raja Ali Haji 2005) dan *husnul khuluq* (Raja Ali Haji 1993).

Seperti mana istilah akhlak dinisbahkan kepada akhlak *mahmudah/husnul khuluq* dan akhlak *mazmumah/ su’ al-Akhlaq*, istilah perangai juga dikaitkan dengan perangai baik dan perangai jahat atau perangai cela (Raja Ali Haji 2005). Kelima, perkara yang menegahkan mendapat ‘ilmu itu *su’ al-akhlaq wa ‘umi l-basirah, ya’ni* jahat perangai serta buta mata hatinya dan rahsianya daripada mendapat ‘ilmu dan qadar kemuliaan ‘ilmu sekira-kira tiada ia mengetahui akan qadar ilmu itu.

Di sesetengah tempat Raja Ali Haji (1996) menisbahkan perkataan perangai dengan yang mulia dan sia-sia:

Tatkala murka Tuhan yang sedia
Diambilkan perangaimu yang mulia
Dituturkan dengan perangai sia-sia
Tamak dan bakhil lobakan rupa

Kamus Dewan (2007) mentakrifkan perangai sebagai kelakuan, tingkah laku, tabiat, budi pekerti, watak. Walaupun berdasarkan kepada pengertian Kamus Dewan, perkataan perangai dan kelakuan adalah istilah sinonim, namun Raja Ali Haji (2005) memperlihatkan perbezaan makna di antara istilah ‘perangai’ dengan ‘kelakuan’. Ada juga yang menyalahi dengan yang demikian itu atas perangainya, sebab kurang periksanya atas kelakuan ibu bapanya atau sebab takburnya, sebab kebesarannya atau kekayaannya atau sebab tiada diingatkan oleh orang yang tua-tua.

Istilah perangai yang digunakan oleh Raja Ali Haji dapat difahami dengan maksud yang sama dengan akhlak, iaitu suatu dimensi rohaniah yang mendorong seseorang melakukan kebaikan atau keburukan. Dengan kata lain perangai atau akhlak itu bukanlah ilmu tentang kebaikan dan keburukan, bukan daya yang membolehkan seseorang melakukan perbuatan baik maupun buruk, juga bukan merujuk kepada perbuatan sama ada baik ataupun buruk. Sebaliknya ia adalah aspek dalaman yang ada dalam diri manusia manakala kelakuan pula adalah aspek luaran yang didorong oleh perangai yang sedia terbina dalam diri seseorang (Raja Ali Haji 2005). Kepada barang siapa yang masuk belajar di dalam kitab itu maka di dalamnya beberapa perkara. Setengah daripadanya hendaklah diikut seperti kelakuan dan perbuatan seperti yang tersebut pada Muqaddimah yang telah tersebut dahulu itu daripada segala adabnya dan lainnya kerana apabila diikutnya seperti yang telah tersebut itu nescaya terbukalah baginya ilmu ini.

Selain daripada istilah perangai, istilah pekerti juga turut digunakan oleh Raja Ali Haji dengan maksud akhlak. Dalam konteks penggunaan bahasa Melayu, pekerti biasanya turut dikaitkan dengan budi iaitu akal dan kebijaksanaan (Kamus Dewan 2007). Dalam Kitab Pengetahuan Bahasa, Raja Ali Haji (1996) mentakrifkan ‘budi’ sebagai perkataan yang sama erti dengan akal, iaitu jika dengan bahasa Arab dikatalah akal dan orang-orang Melayu itu menyebut akal itu seolah-olah bahasa dirinya daripada sangat maklum dan masyhurnya maka di dalam hal yang demikian itu maka tiada dapat hendaklah kita ketahui makna akal itu memuliakan manusia jika ada ia tetap kepada manusia adanya.

Menurut Raja Ali Haji (1996), seseorang itu perlu kenal makna akal kerana dengan fakulti akallah manusia mendapat kemuliaan melebihi makhluk Allah yang lain. Melalui akal, manusia boleh membezakan di antara yang baik dan yang buruk, yang mulia dan yang hina sesuai dengan daya ikhtiar yang diberikan kepada manusia untuk memilih di antara keduanya dan seterusnya bertanggungjawab terhadap pilihan yang dibuat. Akal adalah fakulti ruh yang fitrahnya cenderung kepada kebaikan (Raja Ali Haji 1996). Aqal itu maknanya di dalam *Kitab Ittihaaf al-Murid* makna akal pada lughah itu iaitu menegahkan yakni menegahkan yang

mempunyai daripada berpaling daripada jalan yang betul yakni tiada ia mau pada jalan yang tiada betul.

Berkekerti mulia pula disifatkan oleh Raja Ali Haji (1996) sebagai tanda orang berakal, yang jika diteladani, boleh membawa kepada kebahagiaan.

Orang yang berakal sangatlah mulia
Barangsiaapa mengikut dia
Tanda berakal merendahkan diri
Tiada peminta suka memberi
Turut katanya lembut dan manis
Hati taulannya tiadalah membengis

pakaian anbiya' dan awliya
ialah tanda orang bahagia
kepada taulannya kanan dan kiri
tingkah lakunya dengan ugahari
pada ketika dalam majlis
mendengar cakapnya tiadalah kalis

Dalam sistem akhlak Melayu, pekerti turut dikaitkan dengan tahap agama seseorang individu. Ini jelas dinyatakan oleh Raja Ali Haji (1993) dalam Syair Siti Sianah yang menyifatkan seseorang yang jahat pekerti sebagai seorang yang kurang agamanya:

Setengah perempuan jahat pekerti
Inilah perempuan kurang agama

Hal ini pula sesuai dengan salah satu sifat orang berbudi atau berakal seperti yang dinyatakan oleh Raja Ali Haji (1996) melalui syair Melayu yang dimuatkan dalam Kitab Pengetahuan Bahasa,

Sebagi lagi tanda berakal Perintah syarak tidak menangkal

Hubung kait di antara akhlak, agama dan akal yang terdapat dalam karya-karya Raja Ali Haji menepati pandangan tokoh-tokoh Islam seperti Ibn Maskawayh (1961) dan al-Ghazali (1998) dalam persoalan untuk menentukan kebaikan dan keburukan. Kedua-duanya sepakat mengatakan bahawa agama dan akal adalah dua kaedah yang dianugerahkan oleh Allah untuk manusia membuat penilaian tentang kebaikan dan keburukan. Dengan kata lain, frasa budi perkerti dalam sistem persuratan bahasa Melayu menggambarkan perilaku yang tertib dan baik yang ditimbang dengan kebijaksanaan akal manusia berserta dengan syariat agama.

Satu lagi istilah penting berkaitan akhlak yang turut digunakan oleh Raja Ali Haji ialah perkataan ‘adab’. Dalam Kitab Pengetahuan Bahasa, Raja Ali Haji (1996) menulis takrif adab seperti mana berikut di dalam Kamus ‘Arabi pada *lughah muhrikat’l-zarf wa husn al-Tanawul* yakni yang digerakkan oleh orang yang cerdik dan elok, barang yang dikerjakannya yang berbetulan dengan syarak dan adat yang indah kepada orang yang berakal dan orang yang mempunyai mata hati yakni orang yang dermawan.

Raja Ali Haji (1996) menyifatkan adab sebagai salah satu cabang ilmu yang boleh diajar dan dipelajari. Ianya boleh dilatih dan didisiplinkan kepada seseorang sehingga menjadi akhlak yang terbentuk dalam diri.

...serta ajar anak-anak kita ilmu fardu dan sunat dan ajarkan dia ilmu adab dan jika engkau banyak uzur atau banyak *ishtighal* maka hendaklah engkau serahkan kepada guru-guru yang mengajar Quran dan mengajar kitab...

Ini selaras dengan pandangan Ibn Miskawayh 1961; Mohd. Nasir 2010 yang mengkategorikan akhlak kepada dua jenis, pertama: akhlak yang bersifat tabii dan semula jadi dan kedua: situasi kejiwaan yang diperolehi oleh seseorang melalui adat kebiasaan dan disiplin diri. Akhlak jenis kedua mungkin bermula dengan pendidikan dan deliberasi seseorang, tetapi dengan sokongan amalan yang konsisten, lama-kelamaan ia akan beransur-ansur bertukar menjadi tabiat dan akhlak (Mohd Nasir 2010).

MANIFESTASI AKHLAK MENERUSI PENA'AKULAN ELEMEN ALAM

Hubungan akrab masyarakat Melayu dengan alam yang berada di sekeliling jelas dapat dilihat melalui penggunaan perumpamaan dan kias ibarat yang mengambil contoh sebahagian unsur-unsur alam untuk membina akhlak peribadi mereka. Secara tidak langsung ini menunjukkan keupayaan masyarakat Melayu membuat pemerhatian dan penaakulan serta mensintensis unsur-unsur alam dengan menggunakan akal yang berpandu kepada agama dan ilmu. Penggunaan kaedah perbandingan dan kiasan adalah suatu kaedah yang turut digunakan dalam al-Quran. Kekuatan kaedah ini adalah ia boleh menzahirkan makna yang dimaksudkan melalui gambaran ringkas dan menarik di samping memberi kesan yang mendalam kepada jiwa (Mohd Sukki 2004). Firman Allah SWT:

لَوْ أَنَّ لَنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْتُهُ حَسِيعًا مُتَصَدِّعًا مِنْ حَشْيَةِ اللَّهِ وَتَلَكَ
اَلْأَمْثَلُ نَصْرٌ هُنَّا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١١﴾

(al-Hashr 59:21)

Maksud: Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung, nescaya engkau melihat gunung itu khusyuk serta pecah belah kerana takut kepada Allah. Dan (ingatlah), misal-misal perbandingan ini Kami kemukakan kepada umat manusia, supaya mereka memikirkannya.

Penggunaan unsur-unsur alam bagi menjelmakan akhlak dan menentukan nilai baik dan nilai buruk dalam kehidupan merupakan gambaran daya kreativiti yang hanya dimiliki oleh manusia. Daya kreativiti ini tidak ada pada makhluk-

makhluk lain yang sifat mereka hanyalah mengikut peraturan dan ketetapan Tuhan. Daya kreatif manusia baik sebagai agen moral terhasil melalui empat bentuk iaitu 1) kreatif untuk memilih tingkah laku yang baik, 2) kreatif untuk mendapat ilmu yang baik, 3) kreatif dalam menyukai sesuatu yang baik dan, 4) kreatif dalam bertingkah laku secara baik (Abdul Latif 2005). Kreativiti manusia bersifat subjektif dan berbeza di antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Unsur alam yang sama mungkin memberi gambaran nilai yang berbeza dalam kalangan masyarakat yang berbeza.

Banyak unsur alam digunakan dalam karya-karya Raja Ali Haji namun untuk tujuan kajian ini, perbincangan hanya dibataskan kepada sebahagian kecil unsur alam yang dinyatakan secara langsung oleh beliau bagi tujuan memberi gambaran tentang perlakuan baik dan perlakuan buruk manusia. Berdasarkan kajian, unsur-unsur tertentu memberi gambaran khusus untuk sifat-sifat tertentu pada diri manusia. Secara ringkasnya dapat digambarkan melalui Jadual 1:

JADUAL 1 Unsur alam dan gambaran sifat

Unsur Alam	Jenis Sifat	Gambaran Sifat
Batu permata (intan)	Positif	Sesuatu yang bernilai, bermanfaat, bercahaya
Air dalam gelas	Positif	Ikhlas, hati yang jernih
Binatang, haiwan	Negatif	Orang yang mempunyai banyak sifat buruk sehingga hilang akal dan malu tetapi tidak sampai menyakiti orang lain
Binatang buas	Negatif	Orang yang mempunyai banyak sifat buruk sehingga hilang akal dan malu sehingga menyakiti orang lain
Syaitan	Negatif	Orang yang mempunyai banyak sifat buruk sehingga hilang akal dan malu sehingga menyakiti orang lain
Iblis	Negatif	Orang yang mempunyai banyak sifat buruk sehingga hilang akal dan malu sehingga menyakiti orang lain
Harimau, babi dan hular kala	Negatif	Mengusik dan mengganggu hak dan harta benda orang lain

Berdasarkan penulisan Raja Ali Haji (1996, 1999, 2005), didapati bahawa kerangka akhlak dalam pandangan hidup masyarakat Melayu bertunjangkan kepada lima komponen kata kunci utama iaitu agama, ilmu, akal, malu dan bahasa. Akal adalah satu fakulti yang suci dalam diri manusia. Oleh itu Raja Ali Haji (2005) menegaskan yang akal tidak berada dalam badan yang dipenuhi dengan sifat-sifat yang kotor. Apabila penuhlah sudah segala sifat yang kehinaan pada badan seseorang maka keluarlah ‘akal itu daripada kota tubuh yang busuk-busuk itu kerana ia tiada tempat baginya. Adalah apabila sudah keluar ‘akalnya itu daripada badannya,

malu pun mengikut jualah ia. Maka tatkala itu adalah hukumnya badan itu seperti binatang, itupun jika tiada menyakiti orang, dihukumkan seperti binatang yang buas atau seperti syaitan dan iblis yang kena la'nat Allah adanya. Inilah balanya yang ketiadaan ilmu dan akal.

Raja Ali Haji (1996) turut menggunakan salah satu unsur alam iaitu cahaya bagi menerangkan takrif akal iaitu tabiat perangai yang disediakan dengan dia memperdapatkan pengetahuan yang sukar-sukar seolah-olah ia cahaya yang terang di dalam hati tempatnya dan memancar cahayanya naik kepada otak dengan dia boleh membedakan benar dengan salah.

Menurut al-Ghazali (1976), perkataan cahaya diberikan kepada ‘benda-benda yang dengan sendirinya boleh kelihatan dan juga membuat benda-benda lain boleh kelihatan seperti bukan, matahari, lampu dan api apabila menyala’. Justeru al-Ghazali turut menamakan akal itu cahaya antaranya kerana akal mampu mengetahui seluruh alam wujud dan membuat keputusan yang tentu dan benar.

Manusia yang berakhhlak buruk disifatkan sebagai tidak berakal. Rentetan daripada kehidupan tanpa akal pula, manusia akan hilang sifat malu, iaitu sifat yang digambarkan oleh Rasulullah SAW sebagai sebahagian daripada iman. Menurut Hamka (1997), melalui kehidupan beragama akan timbul dalam diri seseorang tiga sifat iaitu malu, amanah dan benar *siddiq*. Sifat malulah yang menghalang orang yang mempunyai akal daripada melakukan kejahanatan, dan mendorongnya untuk bersifat dengan sifat-sifat yang baik. Malah Hamka (1997) menjelaskan lagi bahawa ‘sebelum mengguna pakai undang-undang, terlebih dahulu orang dilindungi oleh hukum malu yang telah sebatи dalam budi pekerti’. Ini menunjukkan bahawa sifat malu menjadi pendinding manusia daripada berperangai cela.

Berbeza dengan manusia, binatang memang tidak memiliki akal, ilmu dan malu. Oleh itu apabila seseorang manusia tidak memiliki ketiga-tiga perkara tersebut, maka dia disamatarafkan seperti binatang (Raja Ali Haji 1996) iaitu kata *ahl al-Mantiq haiwan sahil* yakni tiada ia berkata-kata dan tiada ia menerima tertawa bersalah manusia iaitu *haywan natiq dahik bi 'l-quwwah* haiwan yang berkata-kata yang menerima tertawa *bi 'l-quwwah* adapun nafsu binatang yang bersekutu dengan manusia iaitu makan dan minum dan tidur dan jimak adapun ilmu dan akal malu tiada kepadanya sekali-kali demikian lagi manusia apabila tiada yang tiga perkara itu yakni ilmu dan akal dan malu maka iaitu samalah dengan binatang juga adanya.

Menurut Hamka (1997) daripada kehidupan beragama lahir tiga iktikad, antaranya ialah kepercayaan ‘bahwasanya manusia adalah makhluk yang termulia dan tinggi di muka bumi’. Kepercayaan ini mendorong manusia untuk menjaga darjah kemanusiaannya supaya tidak sama seperti haiwan. Penggunaan unsur haiwan sebagai perbandingan terhadap aspek akhlak manusia turut menampakkan adanya pengaruh al-Quran dalam menyampaikan sesuatu pengajaran (Zurinah 2010). Dalam Syair Nasihat pula, Raja Ali Haji (1993) mengingatkan bahawa kelakuan seperti binatang dan haiwan boleh mencetuskan kemurkaan Tuhan, menyebabkan hilang rasa malu dalam diri juga rasa hormat meskipun berstatus bangsawan:

Jika datang murkanya Tuhan
Ahli negerinya tidak ketahuan
Kelakuan seperti binatang dan haiwan
Hilanglah malu hilang bangsawan

Walaupun begitu Raja Ali Haji (1993) turut menyatakan untuk mendapatkan kemuliaan dan penghormatan, perangai jahat tersebut boleh diubah:

Inilah pesan ayahanda nan tuan
Kepada anakanda muda bangsawan
Buangkan fiil perangai haiwan
Supaya mendapat pangkat dermawan

Raja Ali Haji membahagikan tahap keburukan akhlak yang dianalogikan seperti binatang atau haiwan kepada dua bahagian iaitu kejahanan biasa yang tidak menyakitkan orang lain yang digambarkan dengan perkataan bintang atau haiwan sahaja. Tahap kedua ialah kejahanan yang melibatkan pencerobohan terhadap hak dan harta orang lain ditamsilkan seperti binatang buas, liar, ganas dan berbisa seperti harimau, babi, ular dan kala atau syaitan dan iblis:

adalah orang yang berakal memandang dia seperti memandang binatang jua itupun juga ia tiada mengusik-usik harta benda orang atau hak mustahak orang dan juga ia ganggu dan mengusik hak orang atau harta benda orang maka dipandang oranglah ia seperti binatang yang jahat-jahat yang buas-buas seperti harimau, babi, ular dan kala demikian lagi pada pemandangan orang yang berakal dan bersopan yang tahu akan halnya masing-masing menjagai dirinya sahaja daripada kedatangan mudarat daripadanya adanya.

Orang yang kurang berakal dan kurang berbahasa pula disifatkan seperti raksasa manakala orang yang tidak mempedulikan agama dan adat diumpamakan seperti harimau mengejar rusa, yang hanya bertindak semata-mata mengikut tabii haiwan tersebut tanpa ada sebarang pertimbangan lain (Raja Ali Haji 1996). Raksasa, gergasi atau disebut juga sebagai bota adalah sejenis makhluk seperti manusia yang sangat

besar dan tinggi badannya (Kamus Dewan 2007). Ia merupakan makhluk dalam cerita-cerita mitos dan lagenda yang digambarkan sebagai bodoh, hodoh, bengis, suka mengganggu dan makan manusia:

Setengah yang kurang akal dan bahasa
tingkah dan laku bagai raksasa
syarak dan adat kurang periksa
seperti harimau mengejar rusa

Dalam lingkungan masyarakat Melayu, akhlak dan bahasa mempunyai perkaitan yang rapat. Malah cara seseorang itu berbahasa merupakan gambaran kepada keperibadiannya dan akhlaknya. Frasa budi bahasa yang sering digunakan dalam konteks bahasa Melayu dengan sendirinya menjelaskan hubungan antara akal yang menjadi wahana untuk pencerakinan antara yang baik dan yang buruk, serta bahasa sebagai ‘alat akal fikri yang mempengaruhi pemikiran si penggunanya’ (al-Attas 2007).

Malah Raja Ali Haji (1996), dalam menghuraikan makna adab, telah menterjemahkan perkataan Bahasa Arab, adab sebagai ‘adab budi bahasa. Di dalam kitab *Ghurar al-Mabani wa Durr al-Ma’ani ‘husn al-Adab yasturu umniyyatu qubuh al-Nasab*’, yakni elok *adab budi bahasa* seseorang itu menutup angan-angan orang akan keji bangsanya bukannya orang itu tidak berbangsa dan lagi katanya pula ‘*al-Fadl bi ’l-‘aql wa ’l-adab la bi ’l-asal wa ’l-nasab*’ yakni kelebihan manusia itu dengan akalnya dan baik adab budi bahasanya bukannya dengan asalnya dan bangsanya yakni jika anak raja sekalipun jika tiada beradab dan bermalu bersopan dan tiada berbahasa seperti bongkak pongah tutur katanya bangsat sombongnya takbur membesar diri tingkah kelakuannya jika raja besar sekalipun tiada kelebihannya kehinaan juga.

Adab dan sopan dikatakan berasal daripada tutur kata dan kemudiannya diikuti dengan kelakuan. Bahasa atau tutur kata menterjemahkan apa yang ada dalam fikiran dan jiwa seseorang, justeru jika akhlak yang baik menjadi ciri kejawaan seseorang, maka pertuturnya berupa yang baik-baik sahaja dengan menggunakan bahasa yang tepat bersesuaian dengan pandangan alam yang mendasari jiwanya. Kemahiran dan kefasihan berbahasa bukan sekadar memadai dengan mempelajari ilmu tentang bahasa secara khusus, tetapi mesti ditunjangi dengan ilmu, akal dan adab. Ini jelas dapat dilihat melalui catatan muqaddimah Bustan al-Katibin yang dimulai dengan perbahasan berkenaan dengan kelebihan ilmu dan akal sebelum memulakan perbicaraan mengenai ilmu mengenai bahasa. Ilmu yang terlebih dahulu perlu diutamakan ialah ‘ilmu *al-Din*, iaitu ilmu agama (Raja Ali Haji 2005).

Antara pekerti baik yang ditonjolkan dalam penulisan Raja Ali Haji ialah sifat ikhlas yang digambarkan seperti air dalam gelas:

Kerja kebijakan janganlah malas
zahir dan batin janganlah culas
jernihkan hati hendaklah ikhlas
seperti air di dalam gelas

Air adalah unsur alam yang sangat penting dalam kehidupan setiap makhluk yang bernyawa termasuk manusia. Raja Ali Haji (1996) mentakrifkan air sebagai ‘satu jisim yang cair yang manfaat atas segala manusia dan binatang dan lainnya melainkan mengambil faedah daripadanya’. Frasa air dalam gelas membayangkan air yang bersih, suci dan boleh diminum serta dapat menghilangkan dahaga. Perkataan ikhlas merupakan perkataan yang diambil daripada bahasa Arab yang mempunyai kata dasar yang sama dengan *khalis* yang bermaksud bersih, suci dan murni iaitu tidak terkena sebarang campuran (al-Ghazali 1998). Air juga selain daripada bersih ia juga membersihkan seperti mana firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي أَرْسَلَ الْرِّيحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيِ رَحْمَتِهِ وَأَنْزَلَنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً طَهُورًا 

(al-Furqan 25: 48)

Maksud: Dan Dia lah Tuhan yang menghantarkan angin sebagai berita gembira sebelum kedatangan rahmat-Nya, dan Kami turunkan dari langit air yang bersih suci.

Menurut Imam al-Mawardi (Mikdar 2010), perkataan *tahūra* dalam ayat di atas boleh difahami sebagai bersih ataupun *muṭahhir* iaitu alat pembersih. Apabila Raja Ali Haji menganalogikan hati yang ikhlas dengan air, ia menggambarkan secara jelas tentang maksud keikhlasan hati iaitu hati yang bersih dan suci dalam melakukan sesuatu tanpa bercampur dengan unsur-unsur lain seperti riak dan sompong.

Elemen batu permata yang dijadikan perhiasan dalam masyarakat Melayu golongan istana dan bangsawan iaitu intan turut digunakan oleh Raja Ali Haji (1996) dalam karyanya sebagai gambaran kepada sesuatu yang bernilai dan berharga, yang perlu dijaga dengan amanah dan baik:

Ayuhai segala pegawai sultan
hendaklah jaga pada jabatan
kamu itu seperti intan
jangan dibuangkan ke dalam hutan

Menurut Streeter (1898), di Borneo (dalam konteks penulisan ini, Nusantara), orang tempatan menamakan berlian yang belum dipotong sebagai podi atau pudi

manakala yang telah dipotong sebagai intan. Ini menunjukkan bahawa intan adalah permata yang telah melalui proses pemotongan dan penggilapan sehingga menjadikan ia lebih bercahaya, bernilai dan bermanfaat. Justeru pegawai sultan yang tediri daripada golongan yang beragama, berilmu dan berakh�ak adalah orang yang mempunyai kedudukan yang tinggi nilainya berbanding dengan kedudukan rakyat biasa dalam susunan sosial masyarakat Melayu:

Bermula hendaklah dipilih orang-orang akan hendak dijadikan ahli al-mahkamah atau hendak dijadikan orang besar-besar yang lain daripada pekerjaan mahkamah maka hendaklah dipilih orang yang baik perangai lagi mempunyai maruah yang menaruh malu sopan dan beradab dan tidak bongkak pongah pada perkataan atau kelakuan lagi berilmu lagi ghalib beramal dengan amal yang baik dan tiada suka akan pekerjaan yang ditegahkan Allah SWT dan Rasul-Nya daripada segala yang diharamkan seperti judi dan sabung dan madat apalagi zina dan lainnya daripada segala maksiat yang besar-besar yang mewajibkan had dan ta'zir. (Raja Ali Haji 1999).

KESIMPULAN

Dalam lingkungan masyarakat Melayu, alam bukan sekadar sesuatu yang boleh dimanfaatkan sumbernya malah ia menjadi medium untuk memanifestasikan suatu sistem nilai yang terkandung dalam makna akhlak. Melalui elemen-elemen alam sama ada alam nyata seperti haiwan, air dan batu permata atau alam ghaib seperti syaitan dan iblis, masyarakat Melayu menjadikannya sebagai perbandingan untuk memperlihatkan tentang aspek akhlak yang wajar dituruti dan juga yang mesti dijauhi. Justeru melalui penaakulan akal yang berpandukan kepada agama, unsur-unsur alam digunakan dalam pendidikan adab sebagai manifestasi kepada sistem nilai mengenai baik dan buruk yang menjadi panduan kepada masyarakat Melayu mengenai sistem akhlak yang bertepatan dengan fitrah manusia yang cenderung kepada kebaikan.

RUJUKAN

al-Quran.

Abdul Latif Samian. 2005. Satu ulasan definisi manusia. *MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara* 6: 153-60.

al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

al-Ghazali.1976. *Mishkat al-Anwar (Ceruk Cahaya)*. Terj. Abdul Hamid Haji Khatib. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

- al-Ghazali.1998. *Ihya' 'ulum al-Din*. Kaherah: Dar Misr li al-Tiba'ah.
- Hamka. 1997. *Tasauf Modern*. Edisi baru. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Ibn Manzūr. 2003. *Lisān al- 'Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Miskawayh. 1961. *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dar al-Maktabat al-Hayah.
- Kamus Dewan*. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mikdar Rusdi. 2010. *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar Menurut Perspektif al-Quran*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Mohd. Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Sukki Othman. 2004. Manusia dalam al-Quran satu kajian daripada perspektif al-Amthal al-Sarih. *Al-Bayan Journal of Quran and Hadith Studies* 2: 37-56.
- Raja Ali Haji.1996. *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah
- Raja Ali Haji. 2005. *Bustan al-Katibin*. Terj. Hashim Bin Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Raja Ali Haji. 1999. *Thamrat al-Muhimmah*. Kuala Lumpur: Khazanah al-Fataniyyah.
- Streeter , Edwin W. 1898. *Precious Stones and Gems, their History, Sources and Characteristics*. London: George Bell and Sons.
- Zurinah Hassan. 2010. *Unsur Alam dalam Puisi Melayu Modern*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

